



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**Warganegara Malaysia yang terdiri daripada ANAK NEGERI SELANGOR yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan kontrak seperti berikut:**

**1.0 JAWATAN**

**1.1 PEMBANTU PENGUATKUASA GRED N17 (KONTRAK)**

**2.0 BUTIRAN PERMOHONAN:**

- (a) Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan Borang IPK.SEL.1 yang boleh diperolehi melalui laman sesawang **www.selangor.gov.my** atau di kaunter Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 3, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam, Selangor.
- (b) Semua borang permohonan hendaklah dilengkapkan dan disertakan dengan salinan sah Kad Pengenalan, Sijil Lahir, Sijil-sijil Persekolahan, kelulusan akademik beserta sekeping gambar berukuran passport;
- (c) Hanya calon-calon yang **layak selepas tapisan sahaja** akan dipanggil ke sesi temuduga;
- (d) Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 November 2015 (Isnin) jam 4.00 petang**;
- (e) Pemohon-pemohon yang **tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya; dan
- (f) Sila kemukakan permohonan ke alamat berikut:

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
CAWANGAN PERKHIDMATAN  
TINGKAT 3, BANGUNAN SSAAS  
40503 SHAH ALAM**

**PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN :**

Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

**JAWATAN : PEMBANTU PENGUATKUASA GRED N17**

**KLASIFIKASI : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**

**TARAF JAWATAN : KONTRAK**

**BILANGAN KEKOSONGAN : 10**

**JADUAL GAJI**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 928.00	RM 3375.00	RM 95.00

**SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia kelahiran Selangor atau ibu atau bapa dilahirkan di negeri Selangor atau telah bermastautin di negeri Selangor selama lebih 15 tahun serta mendapat pengesahan daripada Penghulu;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau  
(*Gaji Permulaan ialah pada RM928.00*)  
(ii) bekas anggota Polis Diraja Malaysia atau Angkatan Tentera Malaysia yang berpangkat Koperal ke atas dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;  
(*Gaji Permulaan ialah pada RM928.00*)
- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
  - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) diantara julat 19 hingga 26;
  - (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
  - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
- (e) calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan (c)(i) hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.